

**THE IMPLEMENTATION OF STUDENTS' SOFT SKILLS ELEMENTS VIA ik-PBM MODEL FOR GENERAL STUDIES COURSES AT POLYTECHNIC**

**PEMBENTUKAN ELEMEN KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR TERHADAP PELAKSANAAN MODEL ik-PBM BAGI KURSUS MATA PELAJARAN UMUM DI POLITEKNIK**

**Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff<sup>i</sup>, Wan Norina Wan Hamat<sup>ii</sup>, Norhaslina Sulaiman<sup>iii</sup>**

<sup>i</sup> Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak, Malaysia. a.fkrudin@gmail.com

<sup>ii</sup> Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak, Malaysia. wnnorina@gmail.com

<sup>iii</sup> Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak, Malaysia. imtiyazulya46@gmail.com

Received: 8 December 2024

Article Progress  
Revised: 20 Jan 2025

Accepted: 28 Jan 2025

<b>Abstract</b>	<p><i>This study aims to assess the elements of soft skills among students regarding the implementation of the ik-PBM model for the Islamic Studies course at polytechnics. The methodology employed is quantitative in nature. The sample comprises 129 students from Session II 2023/2024 who are enrolled in the Islamic Studies course at a polytechnic in the central zone. The instrument used was a set of questionnaires, and the data were analyzed descriptively to explain the impact of soft skills. Data were analyzed using IBM Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) version 27. Findings from the descriptive analysis indicate that students' mastery level of soft skills is high (mean <math>\geq 4.23</math>) for all evaluated constructs. In conclusion, the findings of this study demonstrate that the ik-PBM model has a positive impact in fostering values within students. Therefore, to enhance the implementation of this model, the researcher suggests the development of a comprehensive PBM module.</i></p> <p>Keywords: <i>ik-PBM Model; Soft Skills; General Studies Courses; Polytechnic</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Kajian ini bertujuan untuk menilai elemen-elemen kemahiran insaniah kepada pelajar terhadap pelaksanaan model ik-PBM bagi kursus Pengajian Islam di Politeknik. Metodologi yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif. Sampel terdiri daripada 129 orang pelajar sesi II 2023/2024 yang mengambil kursus Pengajian Islam di salah sebuah Politeknik di zon tengah. Instrumen yang digunakan berbentuk set soal selidik, data dianalisis secara deskriptif bagi menjelaskan impak kemahiran insaniah. Data dianalisis menggunakan IBM Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) versi 27. Dapatan bagi analisis deskriptif menunjukkan tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran insaniah berada pada tahap yang tinggi (min <math>\geq 4.23</math>) bagi kesemua konstruk elemen yang dinilai. Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan model ik-PBM memberi kesan yang positif dalam membantu pembangunan nilai dalam diri pelajar. Justeru, bagi memperkemarkan pelaksanaan model ini, pengkaji mencadangkan pembinaan modul PBM yang lengkap dibangunkan.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Model ik-PBM; Kemahiran Insaniah; Kursus Mata Pelajaran Umum; Politenik</i></p>

## PENGENALAN

Islam menekankan pendidikan yang bersifat menyeluruh dalam usaha membentuk generasi umat terbaik. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, pendidik Muslim perlu mempelbagaikan kaedah bagi membantu pelajar memahami isi pelajaran dengan lebih berkesan. Rasulullah SAW menjadi teladan utama dalam mengaplikasikan kemahiran pedagogi semasa menyampaikan dakwah dan ajaran Islam (Noorjihan & Ab Halim, 2012). Menurut Mohammad Shatar et al. (2009), pelbagai kemahiran pedagogi Rasulullah SAW telah dikenalpasti dan boleh dicontohi, seperti kaedah kuliah, penceritaan, soal jawab, melukis, penyelidikan, perbincangan, serta aktiviti bermain. Oleh itu, penggunaan pelbagai pendekatan dan teknik dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat membantu pelajar memberi tumpuan dan meningkatkan kefahaman terhadap konsep pelajaran dengan lebih efektif (Aminuddin et al., 2019).

Kaedah pembelajaran berasaskan masalah (PBM) merupakan salah satu pendekatan yang seiring dengan keperluan pendidikan abad ke-21 (PAK21). Pendekatan ini menekankan kemahiran kritikal seperti kreativiti, pemikiran kritis, kolaborasi, komunikasi, serta penerapan nilai dalam PdP untuk membentuk modal insan yang seimbang dan berkualiti tinggi, sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi). Kepelbagaian kaedah PdP sangat penting dalam menangani perbezaan potensi, kebolehan, dan keupayaan kognitif, emosi, psikomotor, serta afektif individu pelajar. Kepelbagaian ini diiktiraf oleh Islam sebagai satu anugerah yang mendorong pendidik untuk melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu, kemahiran, dan bakat bagi melaksanakan amanah sebagai pendidik dengan cemerlang.

Pendekatan Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome Based Education, OBE*) telah dilaksanakan di Politeknik sejak tahun 2010 dengan matlamat meningkatkan kualiti dan pencapaian pelajar. Melalui OBE, pensyarah digalakkan untuk merancang dan melaksanakan proses pengajaran secara jelas dan sistematik, sekali gus meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan pengajaran (Mohammad Hazrul, 2021). Kurikulum Pengajian Islam juga tidak terkecuali daripada usaha penambahbaikan ini, selaras dengan aspirasi negara untuk melahirkan tenaga kerja yang berkualiti, holistik, dan kompetitif. Oleh itu, pendidik dalam bidang Pengajian Islam perlu dilengkapi dengan pelbagai strategi serta pendekatan pengajaran untuk menangani kepelbagaian pelajar dari segi kebolehan, minat, dan potensi. Dengan demikian, pendidik perlu menerapkan kaedah pembelajaran yang kreatif dan kritis bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan berkesan.

Justeru itu, gaya pengajaran pensyarah yang bersifat pasif perlu ditransformasikan kepada amalan pembelajaran abad ke-21, malahan penggunaan pendekatan terkini perlu dimanfaatkan bagi menarik minat pelajar menerokai ilmu dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai kesan pelaksanaan model pengajaran dan pembelajaran berasaskan masalah bagi kursus Pengajian Islam yang menggabungkan strategi pembelajaran berasaskan masalah, teori pendidikan Ibnu Khaldun, teori pembelajaran dan elemen teknologi (Model ik-PBM). Usaha ini diharapkan dapat menyumbang kepada pencapaian hasrat para majikan untuk memiliki pekerja daripada lepasan institusi pengajian tinggi (IPT) yang memiliki potensi kemahiran insaniah (50%), pengalaman kerja (31%) dan kemahiran teknikal (37%) ketika memulakan kerjaya (Khazanah Research Institute, 2018).

## TINJAUAN LITERATUR

Pelaksanaan elemen-elemen OBE dalam PdP kursus Pengajian Islam membawa pendekatan baru yang menekankan pencapaian hasil pembelajaran yang spesifik dan dapat diukur. Dalam konteks Pengajian Islam, OBE membantu dalam memastikan pelajar bukan sahaja memahami konsep dan ajaran Islam secara teori, tetapi juga mampu mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Menurut Ahmad Firdaus et al. (2021), pendekatan OBE dalam bidang Pengajian Islam mendorong pelajar untuk mencapai hasil pembelajaran yang jelas seperti keupayaan untuk menganalisis teks agama, memahami konteks sejarah dan budaya

Islam, serta mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan mereka. Kajian beliau juga menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat dalam kurikulum berasaskan OBE lebih cenderung untuk menunjukkan peningkatan dalam pemahaman dan aplikasi praktikal ajaran Islam.

Aktiviti PdP yang bermakna adalah memfokuskan kepada hasil pembelajaran dan penerapan kemahiran insaniah dalam diri pelajar. Kemahiran insaniah ini dilaksanakan oleh pelajar semasa proses menyiapkan tugas dan PdP pensyarah dalam setiap kursus (Mohd Hasril et al., 2016). Kemahiran insaniah memperlihatkan pencapaian atribut pelajar yang terdiri dari kluster hasil pembelajaran (LOC) berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Kemahiran insaniah memainkan peranan yang penting dalam pembentukan pelajar yang holistik. Kemahiran ini merangkumi aspek komunikasi, kerja berpasukan, pemikiran kritis, dan penyelesaian masalah yang tidak hanya penting dalam konteks akademik tetapi juga dalam kehidupan seharian. Menurut penelitian oleh Siti Aisyah (2024), pengintegrasian kemahiran insaniah dalam kurikulum pendidikan tinggi dapat meningkatkan keupayaan pelajar dalam beradaptasi dengan cabaran di dunia pekerjaan. Penelitian ini menunjukkan bahawa pelajar yang didedahkan kepada kemahiran insaniah lebih cenderung untuk berjaya dalam karier mereka kerana mereka mempunyai kemampuan untuk berkomunikasi dengan baik, bekerjasama dalam pasukan, dan menyelesaikan masalah dengan berkesan.

Selain itu, pengajaran dan pembelajaran yang berfokus kepada kemahiran insaniah dapat membantu dalam pembentukan karakter pelajar. Ibrahim dan Sulaiman (2019) menekankan bahawa pelajar yang terlibat dalam aktiviti yang memperkaya kemahiran insaniah menunjukkan peningkatan dalam sikap positif, etika kerja, dan tanggungjawab sosial. Aktiviti seperti kerja kumpulan, projek komuniti, dan perbincangan terbuka dalam kelas adalah antara kaedah yang efektif untuk memupuk kemahiran ini. Keberkesanan pendekatan ini dibuktikan melalui kajian longitudinal yang menunjukkan peningkatan ketara dalam nilai-nilai murni dan kematangan emosional pelajar yang terlibat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti tersebut.

Kemahiran insaniah juga relevan dalam era digital dan globalisasi di mana pelajar perlu bersaing di peringkat antarabangsa. Menurut kajian oleh Lee et al. (2021), pelajar yang memiliki kemahiran insaniah yang tinggi lebih bersedia untuk menghadapi cabaran global kerana mereka mempunyai kemahiran interpersonal yang kuat dan keupayaan untuk bekerja dalam persekitaran yang mempunyai pelbagai budaya. Kajian ini juga menunjukkan bahawa universiti yang menekankan pendidikan kemahiran insaniah dalam kurikulum mereka berjaya melahirkan graduan yang lebih kompetitif dan berdaya saing di pasaran global. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan kemahiran insaniah bukan sahaja penting untuk pembentukan pelajar yang seimbang tetapi juga kritikal untuk kejayaan mereka dalam dunia yang semakin kompleks dan dinamik.

Cabaran masa kini bagi melahirkan pelajar dalam masyarakat 5.0 yang mempunyai kemahiran teknologi, digital, teknologi maklumat dan automasi tanpa melupakan kemahiran insaniah yang bertujuan untuk mengurus dan memanfaatkan sistem informasi di alam maya terutama bidang Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligent AI*). Pelajar perlu bersikap proaktif, dalam mempersiapkan diri dengan ilmu dan kemahiran dalam memposisikan diri dalam Masyarakat 5.0, termasuk melatih daya berfikir dalam menyelesaikan masalah (Yulianto, 2021) serta berada dalam lingkungan yang membantu dalam menjadikan agama sebagai asas kepada sebarang keputusan yang bakal dibuat. Hal ini menunjukkan bahawa, Masyarakat 5.0 perlu hadir sebagai pembawa nilai akhlak, etika dan jujur dalam prinsip hidup (Mohammad Talhah et al., 2024).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan untuk menilai elemen-elemen kemahiran insaniah kepada pelajar terhadap pelaksanaan model ik-PBM bagi kursus Pengajian Islam di Politeknik.

**PERSOALAN KAJIAN**

Adakah proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan model ik-PBM menerapkan elemen-elemen kemahiran insaniah?

**METODOLOGI****Reka Bentuk dan Sampel Kajian**

Reka bentuk kajian ini berteraskan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Satu tinjauan telah dijalankan terhadap 129 pelajar di sebuah Politeknik di kawasan zon tengah. Sampel kajian merangkumi semua pelajar sesi II yang mengikuti kursus Pengajian Islam pada sesi II 2023/2024.

**Instrumen Kajian**

Instrumen soal selidik kemahiran insaniah telah diambil dan diubah suai dari kajian Uvathi et al. (2018). Instrumen ini mengandungi tujuh konstruk (Bahagian A: Kemahiran Kerja Berpasukan, Bahagian B: Kemahiran Kepimpinan, Bahagian C: Kemahiran Pemikiran Kritikal dan Penyelesaian Masalah, Bahagian D: Kemahiran Komunikasi, Bahagian E: Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Bahagian F: Kemahiran Nilai, Sikap dan Profesionalisme, Bahagian G: Kemahiran Tanggungjawab Sosial) dan 37 item soalan, skala persetujuan adalah menggunakan skala likert dari 1 hingga 5 iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Item-item tersebut telah melalui ujian tahap kebolehpercayaan dengan nilai Alpha Cronbach 0.961.

**Analisis Data**

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan maklumat yang diperoleh daripada data kuantitatif yang dikumpul bagi menjawab persoalan kajian. Menurut Chua (2011), data diambil semasa ujian lapangan adalah bertujuan untuk penghuraian secara deskriptif. Dalam kajian ini, analisis data dilaksanakan dengan menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan penentuan skor min serta sisihan piawai. Proses analisis ini menggunakan perisian IBM *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS) versi 27. Min yang diperoleh ditafsirkan menggunakan interpretasi dapatan seperti di Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Interpretasi Min


Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

(Sumber: Landell, 1997)

**Model ik-PBM**

Model ini merupakan model pendekatan pembelajaran berasaskan masalah yang diberi nama model ik-PBM. Model ini dibangunkan oleh Ahmad Fkrudin et al. (2023) dan dibina berdasarkan model pendidikan Ibnu Khaldun, prinsip PBM, penerapan elemen teknologi, teori pembelajaran, elemen-elemen kerangka pembelajaran abad ke-21 dan jadual FILRA (*Fact, Ideas, Learning Issues, Rules, Action*). Model ini menyokong pembelajaran sendiri yang terarah dan pensyarah berperanan sebagai fasilitator. Elemen-elemen kemahiran pemikiran kritikal, komunikasi, kolaborasi, kreativiti, penyelesaian masalah, teknologi, pencarian maklumat dan kemahiran sosial turut diterapkan dalam model ini. Selain itu, elemen pengukuhan turut disediakan sebagai peneguhan bagi meningkatkan motivasi pelajar. Jadual FILRA merupakan alat yang digunakan oleh pelajar sebagai panduan dan

catatan dapatan info sepanjang proses mencari penyelesaian masalah. Rajah di bawah menunjukkan model ik-PBM:



Rajah 1: Model ik-PBM

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Demografi Responden

Jadual 2: Profil Demografi Responden

Demografi	Item	Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	55	42.6
	Perempuan	74	57.4
Kelas	DDTS	24	18.6
	DDTP2B	31	24.0
	DAT2B	27	20.9
	DAT2C	23	17.8
	DAT2D	24	18.6
Semester	1	0	0
	2	129	100
	3	0	0
	4	0	0
	5	0	0

N=129

Jadual 2 menunjukkan bilangan dan peratus responden mengikut jantina, kelas dan semester. Jumlah responden seramai 129 orang pelajar yang mengambil kursus Pengajian Islam yang terdiri daripada 55 orang (42.6%) lelaki dan 74 orang (57.4%) pelajar perempuan. Pecahan kelas yang terlibat adalah kelas DDTS 24 orang (18.6%), DDTP2B 31 orang (24%), DAT2B 27 orang (20.9%), DAT2C 23 orang (17.8%) dan DAT2D 24 orang

(18.6%). Manakala semua responden terdiri dalam kalangan pelajar semester 2 iaitu 129 orang (100%), ini kerana kursus Pengajian Islam ditawarkan kepada pelajar semester 2.

### **Pelaksanaan Model ik-PBM terhadap Elemen-elemen Kemahiran Insaniah**

Analisis deskriptif telah dilakukan bagi menjawab persoalan kajian “Adakah proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan model ik-PBM menerapkan elemen-elemen kemahiran insaniah?”. Hasil maklum balas persoalan kajian tersebut seperti yang dipaparkan dalam jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Maklum Balas Terhadap Elemen Kemahiran Insaniah

<b>ITEM ELEMEN KEMAHIRAN INSANIAH</b>	<b>MIN</b>	<b>SP</b>	<b>TAHAP</b>
<b>Kemahiran Kerja Berpasukan</b>			
Saya boleh berinteraksi dan bekerja dengan rakan lain secara berkesan.	4.43	0.57	Tinggi
Saya boleh mengambil tanggungjawab dalam kumpulan.	4.50	0.517	Tinggi
Saya menghormati kepercayaan rakan lain.	4.49	0.517	Tinggi
Saya boleh memberi sumbangan kepada kumpulan.	4.47	0.546	Tinggi
Saya bertanggungjawab terhadap keputusan kumpulan.	4.34	0.605	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.45</b>	<b>0.454</b>	<b>Tinggi</b>
<b>Kemahiran Kepimpinan</b>			
Saya mempunyai kemampuan mengenal pasti matlamat kumpulan.	4.16	0.622	Tinggi
Saya mempunyai kebolehan untuk memimpin tugas.	4.02	0.75	Tinggi
Saya memberi fokus kepada tugas dan tanggungjawab yang diberi.	4.40	0.521	Tinggi
Saya boleh bertoleransi dengan rakan yang berbeza pandangan.	4.36	0.558	Tinggi
Saya cenderung untuk membuat keputusan secara berkumpulan.	4.21	0.75	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.23</b>	<b>0.51</b>	<b>Tinggi</b>
<b>Kemahiran Pemikiran Kritikal Dan Penyelesaian Masalah</b>			
Saya boleh mengenal pasti masalah dalam pelbagai keadaan.	4.14	0.582	Tinggi
Saya mengenal pasti punca masalah sebelum menyelesaikan masalah.	4.23	0.566	Tinggi
Saya akan menyelesaikan masalah yang rumit dengan berhati-hati.	4.32	0.559	Tinggi
Saya mengambil kira pelbagai pandangan dalam penyelesaian masalah.	4.36	0.557	Tinggi
Saya boleh menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi.	4.28	0.637	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.27</b>	<b>0.479</b>	<b>Tinggi</b>
<b>Kemahiran Komunikasi</b>			
Saya boleh menyampaikan idea dengan jelas.	4.09	0.667	Tinggi
Saya mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif.	4.28	0.612	Tinggi
Saya boleh membuat pembentangan dengan penuh keyakinan.	4.04	0.764	Tinggi
Saya boleh berbincang untuk mencapai persetujuan.	4.38	0.518	Tinggi
Saya boleh berkomunikasi dengan pelajar berlainan latar belakang dan budaya.	4.27	0.621	Tinggi

Saya boleh menggunakan kemahiran teknologi untuk pembentangan.	4.36	0.599	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.24</b>	<b>0.484</b>	<b>Tinggi</b>
<b>Kemahiran Pengurusan Maklumat Dan Pembelajaran Sepanjang Hayat</b>			
Saya mengamalkan pembelajaran sendiri.	4.17	0.601	Tinggi
Saya menunjukkan minat dalam meneroka maklumat yang berkaitan dengan tugas yang diberikan.	4.22	0.628	Tinggi
Saya mempamerkan keinginan untuk menambah ilmu pengetahuan yang lebih mendalam.	4.30	0.594	Tinggi
Saya mencari maklumat yang bersesuaian dengan tugas yang diberikan.	4.38	0.533	Tinggi
Saya menzahirkan idea secara berkesan dalam penulisan laporan tugas.	4.22	0.66	Tinggi
Saya menggunakan teknologi maklumat dalam mempamerkan maklumat.	4.39	0.577	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.28</b>	<b>0.477</b>	<b>Tinggi</b>
<b>Kemahiran Nilai, Sikap Dan Profesionalisme</b>			
Saya berintegriti ketika membuat tugas yang diberikan.	4.27	0.569	Tinggi
Saya menunjukkan penampilan diri yang baik.	4.29	0.575	Tinggi
Saya menunjukkan etika kerja yang baik semasa menjalankan tugas.	4.29	0.578	Tinggi
Saya mengamalkan sikap proaktif dalam merangka tindakan lebih awal daripada jangkaan yang akan berlakunya kejadian.	4.30	0.581	Tinggi
Saya menawarkan diri secara sukarela ketika membuat tugas yang diberikan.	4.21	0.706	Tinggi
Saya bertanggungjawab ketika membuat tugas yang diberikan.	4.39	0.549	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.29</b>	<b>0.495</b>	<b>Tinggi</b>
<b>Kemahiran Tanggungjawab Sosial</b>			
Saya berkebolehan mengawal emosi.	4.11	0.71	Tinggi
Saya bekerja secara efektif bersama ahli kumpulan untuk mencapai objektif yang sama.	4.36	0.556	Tinggi
Saya berkebolehan menghormati hak individu.	4.43	0.512	Tinggi
Pelajar berkebolehan berinteraksi dengan pelajar lain.	4.37	0.56	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.32</b>	<b>0.477</b>	<b>Tinggi</b>
<b>Kemahiran Tanggungjawab Sosial</b>			
Saya berkebolehan mengawal emosi.	4.11	0.71	Tinggi
Saya bekerja secara efektif bersama ahli kumpulan untuk mencapai objektif yang sama.	4.36	0.556	Tinggi
Saya berkebolehan menghormati hak individu.	4.43	0.512	Tinggi
Saya berkebolehan berinteraksi dengan pelajar lain.	4.37	0.56	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.32</b>	<b>0.477</b>	<b>Tinggi</b>

Analisis data mendapati bahawa kesemua nilai min keseluruhan bagi setiap elemen kemahiran insaniah berada pada tahap yang tinggi dengan mencatat nilai min bermula 4.23 dan keatas. Manakala bagi nilai min setiap item dalam elemen kemahiran insaniah juga berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan mencatat nilai antara 4.02 hingga 4.50. Jika dilihat nilai dapatan min, ini menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti dalam proses model ik-PBM yang telah dilaksanakan oleh pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini mempunyai elemen-elemen yang ada dalam kemahiran insaniah. Selain itu Model ik-

PBM ini memberi pengaruh penguasaan kemahiran insaniah kepada pelajar yang terlibat. Dapatan ini selari dengan pernyataan Nur Dini Eznee dan Mohamad Isa (2022) yang menyatakan tahap kemahiran insaniah pelajar dapat ditingkatkan melalui pelaksanaan program dan kursus. Ini menunjukkan aktiviti PdP dan luar PdP di Politeknik yang menggunakan model ini menekankan kepada elemen-elemen kemahiran insaniah bagi melahirkan pelajar yang mempunyai nilai tambah yang dapat menjamin kehidupan lebih baik.

Pedekatan PBM telah terbukti berkesan dalam meningkatkan Kemahiran berfikir secara kritis, pembelajaran terarah sendiri, kemahiran komunikasi, kemahiran gerak kerja dalam kumpulan, kemahiran teknologi, dan kemahiran insaniah (Jennifer & Khairul Azhar, 2022). Kajian menunjukkan bahawa PBM mendorong pelajar untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran, yang membolehkan mereka membina pengetahuan melalui penyelesaian masalah yang relevan dengan situasi dunia nyata. Menurut Siti Azian (2013), pelaksanaan PBM dalam pengajaran subjek Biologi menunjukkan peningkatan yang jelas dalam kemahiran pemikiran kritis pelajar, di mana aspek penilaian hujah mengalami peningkatan tertinggi sebanyak 8.34% selepas mengikuti kaedah ini. Ini menunjukkan bahawa pendekatan PBM bukan sahaja meningkatkan pemahaman akademik tetapi juga memperkasa pelajar untuk berfikir secara analitikal dan kritis dalam menghadapi cabaran (Ahmad Fkrudin et al., 2024).

Selain itu, kajian oleh Rafiuddin et al. (2013) menegaskan bahawa PBM dapat meningkatkan pemahaman pelajar dalam pengajian Islam, dengan pelajar menjadi lebih fokus dan terlibat dalam aktiviti pembelajaran. Penemuan ini disokong oleh Cristina et al. (2017), yang menyatakan bahawa pendekatan ini membantu membentuk pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna. Dalam konteks pendidikan tinggi, Wan Nur Tasnim et al. (2019) dan Anwar (2017) menunjukkan bahawa PBM secara sistematik memperkembangkan kemahiran analitikal dan taakulan pelajar, menjadikan mereka lebih bersedia untuk menghadapi cabaran di dunia profesional. Oleh itu, integrasi PBM dalam kurikulum pendidikan adalah penting untuk membangunkan kemahiran insaniah yang diperlukan bagi kejayaan pelajar di masa hadapan.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan model ik-PBM bagi kursus Pengajian Islam di Politeknik berupaya membentuk elemen kemahiran insaniah yang tinggi dalam kalangan pelajar. Tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran insaniah, seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan, dan pemikiran kritis, berada pada tahap tinggi (min  $\geq$  4.23), menunjukkan keberkesanan model ini dalam menyokong matlamat pedagogi semasa yang menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar. Model ik-PBM selaras dengan agenda Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang mengutamakan pembangunan pelajar sebagai individu yang berdaya saing di peringkat global dengan memiliki nilai-nilai murni, pengetahuan luas, dan kebolehan praktikal yang menyeluruh. Kejayaan pelaksanaan model ini juga mencerminkan potensi model pedagogi inovatif dalam meningkatkan keberkesanan kursus mata pelajaran umum, khususnya dalam konteks pembangunan nilai dan kemahiran insaniah.

Dapatan kajian ini menegaskan kepentingan pendekatan pedagogi yang holistik, seperti model ik-PBM, dalam membentuk pelajar sebagai individu yang seimbang dari segi intelektual, emosi, dan spiritual. Keberkesanan model ini menunjukkan bahawa pendekatan yang integratif dan praktikal boleh menyokong pembangunan insan yang holistik, sejajar dengan falsafah pendidikan kebangsaan yang bertujuan melahirkan individu yang berilmu, bermoral, dan berketerampilan. Sehubungan itu, pengkaji mencadangkan pembangunan modul PBM yang lebih sistematik dan lengkap bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan model ini dapat diperkukuhkan di masa hadapan. Cadangan ini bukan sahaja akan memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar, tetapi juga menyokong hasrat KPT dalam

membentuk graduan yang mempunyai kemahiran insaniah yang unggul, sekali gus berupaya menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara secara mampan.

### **PENGHARGAAN**

Terima kasih kepada Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi, Politeknik Ungku Omar kerana telah membantu dalam menyempurnakan kajian ini.

### **RUJUKAN**

#### **Buku**

- Chua Y. P. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Faaizah, S. & Muliati, S. (2018). *Model Hibrid: Pembelajaran Berasaskan Masalah*. Melaka, Malaysia.
- Gagne, R. M., Wager, W. W., Golas, K. C. & Keller, J. M. (2005). *Principles of Instructional Design. Fifth Edition*. California: Thomson Wadsworth.
- Landell, K. (1997). *Management by menu*. London: Wiley and Sons Inc.
- Mohammad Shatar, S., Samir Muazzab, A., Paramasivam, Aidi, A., Zulhamri, A., & Azali, M. (2009). *Kemahiran Insaniah Pelajar*. Kuala Lumpur: ZH Publishing House.
- Khazanah Research Institute. (2018). *The School-To-Work Transition of Young Malaysians*. Khazanah Research Institute, Kuala Lumpur, Malaysia.

#### **Jurnal**

- Ahmad Firdaus, M. N., Khairunnisa, A. S., Nur Afifah, S., & Mohd Farhan, A. R. (2021). Pencapaian Matlamat Outcome-Based Education (OBE) dan Strategi Pembelajaran Kendiri Pendidikan Islam: Satu Kajian Rintis. *Jurnal 'Ulwan*, Jilid 6 (Bil.2) 229-241.
- Ahmad Fkrudin M.Y., Norhaslina S., & Wan Norina, W. H. (2024). Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) Berdasarkan Model Pendidikan Ibnu Khaldun. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 6(3), 77-95.
- Aminuddin, M., Haziha, S., & Sharifah Zarina, S. Z. (2019). Creativity and Inovation as an Indigenous Pedagogy Method. *Journal Of Educational Research And Indigenous Studies*, 1(1), 1-15.
- Anwar, C. (2017). The Effectiveness Of Problem-Based Learning Integrated with Islamic Values Based on ICT on Higher Order Thinking Skill And Students' Character. *AITA'LIM Journal*, 23(3), 224-231.
- Ibrahim, N., & Sulaiman, R. (2019). Character Development Through Soft Skills Training: A Longitudinal Study. *Asian Journal of Education and Training*, 5(3), 112-120.
- Jennifer A. T. P. dan Khairul Azhar J. (2022). Paet, J., & Jamaludin, K. (2022). Potensi Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) Dalam Meningkatkan Kemahiran Pembelajaran Menyelesaikan Masalah Dan Cabaran Pelaksanaannya. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 204-215.
- Lee, K., et al. (2021). Preparing Students for Global Competitiveness Through Soft Skills Education. *International Journal of Education Development*, 40(1), 67-78.
- Mohammad Hazrul, M. J. (2021). Pelaksanaan PdP Berdasarkan Pendekatan OBE dalam Program Diploma Teknologi Automotif di Kolej Vokasional: Satu Penilaian. *SkillsMalaysia Journal*, Vol. 7 No. 1 (2021) p. 9-14.
- Mohd Hasril, A., Isma, A. N., Fathin L. Z., & Norhayati, N. (2016). Tahap kemahiran generik pelajar Malaysia dalam proses pengajaran dan pembelajaran: Kajian kes pelajar Institusi Kemahiran Mara, Johor Baharu. *GEOGRAFIA-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(3), 111-121.
- Muhammad Talhah, A., Wan Abdul Rahman, W. I. F., Siti Nur Hadis, A. R., Muhammad Fitri, A. K. & Radhiahtul Raehan, M. (2024). Cabaran Pendidikan Mendepani Masyarakat 5.0. *International Journal of Advanced Research Education and Society*, 6(1) 47-53.

- Nur Dini Eznee, R. R. & Mohamad Isa, H. (2022) Kepentingan Kemahiran Insaniah Terhadap Kebolehpasaran Graduan Di Universiti Sains Islam Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4 (2), 240-251.
- Siti Aisyah, M. N. & Siti Zuraidah, M. O. (2024). Keperluan Kemahiran Insaniah Abad ke-21 Terhadap Kesiapan Kerjaya Pelajar. *International Journal of Modern Education*, 6 (20), 271-282.
- Siti Rahayah, A. & Nor Azaheen. A. H. (2009). Profil Kemahiran Pemikiran Kritis Antara Pelajar Aliran Sains dan Bukan Sains. *Malaysian Education Dean's Council Journal*. 3, 20-27.
- Uvathi, M., Arsaythamby. V., & Kanageswari S. S., (2018). Pembinaan Dan Pengesahan Instrumen Kemahiran Insaniah Bagi Subjek Perakaunan di Matrikulasi. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(4), 29-39.
- Wan Nur Tasnim, W., Jamalludin, H. & Nurbiha, A. S. (2019). Problem Based Learning to Enhance Students Critical Thinking Skill via Online Tools. *Asian Social Science*, 15(1), 14-21.
- Yulianto, Y. (2021). The Needs of Training to Improve Teacher Competence in Preparing Society 5.0. *Technium Social Sciences Journal*, 20(1); 275-286.

### **Seminar**

- Ahmad Fkrudin, M. Y., Wan Norina, W. H., & Norhaalina, S. (2023). *Model ik-PBM: Synergis Berimpak Melalui Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kursus Pengajian Umum Di Politeknik*. International Putra InnoCreative Carnival in Teaching and Learning.
- Noorjihan, J., & Ab Halim, T. (2012). *Pedagogi Rasulullah SAW dalam Pengajaran*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam. 3-6 Julai 2012 Hotel Royale Bintang Seremban.
- Cristina, H. M., Josephine, A., & Gabriel, M. M. (2017). *Fina Frontier: An Education Game on Solar System Concepts Acquisition for Primary Schools*. IEEE 17th International Conference on Advanced Learning Technologies, 335-337.
- Rafiuddin, A. A. F., Md. Akbal, A., Halimi, M. K., Shakila, A. D., Khaeruddin, & Siti Marfuah. (2013). *Aplikasi Teknologi Di Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Pengajian Islam Berasaskan Masalah (PBL): Suatu Perkongsian, Analisa dan Aspek Cabaran Semasa Di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia*. Seminar on Islam, Science and Technology (SIST 2013), Indonesia.

### **Tesis**

- Nor Azaheen. A. H. (2010). *Mengenalpasti Kebolehpercayaan Instrument Kemahiran Pemikiran Kritis Dan Profil Kemahiran Pemikiran Kritis Dalam Kalangan Pelajar Biologi*. Tesis Sarjana: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pua Poh, K. (2014). *Tahap Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Tahun Akhir di Politeknik*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Siti Azian A. N. B. (2013). *Pembinaan modul pembelajaran berasaskan masalah (PBM BIO-Score) dan kesannya terhadap pencapaian dan pemikiran kritis pelajar*. (Tesis Sarjana). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Suzilawati, S. (2016). *Pembinaan dan Penilaian Modul Pembelajaran Biologi Berteraskan Pembelajaran Berasaskan Masalah Berperancangan* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*